

Program Ganjaran Rujukan (RRP): Enter 2 WIN!

TEMPOH KEMPEN

“Enter 2 WIN” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada **5 Januari 2018 dan berakhir pada 31 Mac 2018**, kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Kempen (T&C):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua ejen hartanah/perunding/jurujual untuk mengambil bahagian sepanjang Tempoh Kempen. (“Peserta”).
2. Peserta, Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah Kluasa 4 dan 5 di sini) yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak untuk menyertai Kempen dan/atau menerima Hadiah.
3. Sebarang perubahan kelayakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini akan dimaklumkan melalui laman web HLB di www.hlb.com.my (“laman web Bank”) atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.

TATA CARA KEMPEN DAN HADIAH

4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta dikehendaki memenuhi syarat/kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5 di bawah (“Pendaftaran Berjaya”).
5. Pendaftaran Berjaya merujuk kepada:-
 - a) peserta yang menghadiri Taklimat Program Ganjaran Rujukan Pembiayaan (“RRP”) dianjurkan oleh Bank; dan
 - b) peserta mengemukakan dokumen berikut untuk pendaftaran sebagai RRP selepas Taklimat RRP:-
 - I. Borang Penyertaan
 - II. Borang Pengesahan Peserta bagi Cukai Barang dan Perkhidmatan (“GST”) dan salinan Lesen GST untuk pendaftar GST
 - III. Salinan Kad Pengenalan/Pasport Peserta

- IV. Salinan Kad Perniagaan Peserta
- V. Bukti Profesion. Salah satu di bawah:-
 - a) Cetakan skrin butiran Peserta dari laman web Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah, Malaysia (www.lppeh.gov.my);
 - b) Salinan Tag Perunding Hartanah (REN Tag); atau
 - c) Pengesahan Pekerjaan daripada Ejen Hartanah jika tiada Tag REN

Peserta yang memenuhi syarat di atas akan dirujuk sebagai "Peserta Layak".

- 6. Bank berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan pendaftaran tanpa memberi sebarang alasan.
- 7. Peserta Layak berpeluang untuk memenangi baucer tunai Bank Simpanan Nasional ("BSN") bernilai RM100 setiap satu ("Hadiah") dengan syarat Ejen mereka (di mana mereka bekerja) telah mencapai di bilangan minimum sekurang-kurangnya 10 Pendaftaran Berjaya sepanjang Tempoh Kempen.
- 8. Jumlah hadiah dihadkan sehingga Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000) dan terhad berdasarkan siapa cepat, dia dapat.
- 9. Hadiah akan diberikan serta-merta kepada Peserta Layak yang memenuhi syarat/kriteria menurut Klausa 7 di atas.
- 10. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan Hadiah atas sebarang kehilangan, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk menggantikan Hadiah tidak akan dilayan oleh pihak Bank.
- 11. Bank berhak untuk mengubah, menggantikan Hadiah di bawah Kempen ini dengan produk-produk lain yang sama nilainya bagi apa-apa jua sebab sebagaimana Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya fikirkan patut, dengan notis terlebih dahulu kepada Peserta Layak dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.

AM

- 12. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak:
 - (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Kempen, Dasar Privasi Bank, terma dan syarat RRP yang boleh didapati di <https://www.hlb.com.my/rrpenter> dan apa-apa terma dan syarat berkaitan lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa;
 - (b) bersetuju untuk mengakses ke Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan bagi memastikan mendapatkan kemas kini tentang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;

- (c) bersetuju dengan penerbitan atau paparan gambar, nama, nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto di media, bahan pemasaran atau pengiklanan atau Laman Web Bank bagi tujuan Kempen ini (jika ada);
 - (d) keputusan Bank ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Peserta Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan; dan
 - (e) bersetuju untuk menanggung sendiri bagi semua cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkaitan, jika ada, berhubung dengan penerimaan Hadiah.
13. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan cetak dan/atau Laman Web Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan bersama-sama dengan Hadiah dalam sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan bergambar untuk tujuan hiasan sahaja dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah.
14. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang hilang, rosak atau dicuri atau sebaliknya. Sebarang aduan atau pertikaian mengenai Hadiah harus diselesaikan secara langsung di antara Peserta Layak dan Bank Simpanan Nasional tanpa rekursu kepada Bank.
15. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (3) dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, cek atau seumpamanya.
16. Bank berhak untuk:
- (i) membatalkan mana-mana Peserta/Peserta Layak bagi apa-apa sebab sekalipun yang Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya anggap tidak sesuai untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan/atau layak untuk memenangi; dan
 - (ii) menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&C yang terkandung di sini, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, atas budi bicara Bank dengan cara mempamerkannya di Laman Web Bank, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
17. Peserta Layak bersetuju bahawa Terma & Syarat yang terkandung, terma dan syarat RRP dan apa-apa terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Bank hendaklah dibaca bersama dengan Terma & Syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat dan terma dan syarat RRP dan apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Bank, Terma & Syarat khusus yang terkandung di sini akan mengatasi percanggahan tersebut.
18. Terma dan Syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Peserta Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia